

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 PENDAHULUAN

Sesungguhnya ilmu-ilmu Allah itu amat luas . Di antara ilmu yang dapat diterokai oleh manusia ialah ilmu bahasa . Salah satu daripada cabang ilmu bahasa ialah ungkapan atau ta'bir , (تَبِيرٌ) bahkan ia merupakan tujuan utama dalam mempelajari sesuatu bahasa. Perkataan ta'bir (تَبِيرٌ) berasal dari :-

عَبَرَ يَعْبِرُ تَبِيرًا عَلَيْهِ مَعْنَوُرٌ عَبَرٌ لَا تَبِيرٌ مَعْبُرٌ مَعْبَرٌ

Di sekolah – sekolah amnya dan di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) khasnya pengajaran dan pembelajaran ta'bir (تَبِيرٌ) adalah di antara mata pelajaran yang tidak dapat lari dari kemelut masalah dalam proses pelaksanaannya .

Justeru penulis cuba membuat sedikit kajian sejauh manakah pelajar-pelajar di sekolah ini menguasai ta'bir (تَبِيرٌ) , serta meninjau masalah Pengajaran dan Pembelajaran ta'bir di sekolah tersebut. Perlu dijelaskan mengapa perkataan ta'bir (تَبِيرٌ) yang dipilih sebagai kata kunci dalam kajian ini dan bukan perkataan Melayunya seperti ungkapan , ucapan dan sebagainya . Jawapannya ialah kerana kajian ini bertumpu pada salah satu cabang mata pelajaran bahasa Arab yang membabitkan pertuturan , dan istilah ta'bir (تَبِيرٌ) itu dirasakan lebih dekat

dengan bahasa Arab jika dibandingkan dengan istilah ungkapan atau ucapan atau pertuturan yang lebih berunsur kemelayuan .

Mudah-mudahan kajian ini dapat memenuhi kehendak dan keperluan pihak-pihak yang terbabit .

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa adalah sesuatu yang bersinonim dengan komunikasi.Sememangnya telah banyak kajian yang dibuat berhubung dengan bahasa dan sebagai natijah daripada kajian demi kajian yang dibuat , pakar-pakar bahasa telah membuat kesimpulan bahawa bahasa itu adalah merupakan alat komunikasi dan alat untuk menghasilkan idea.

Tepat seperti apa yang dikatakan oleh Asmah Hj. Omar (1985: 4) bahawa “ Bahasa merupakan alat komunikasi, alat berfikir dan alat menghasilkan buah fikiran” .

Bahasa adalah salah satu daripada banyak cara yang boleh kita gunakan untuk menggambarkan pengetahuan kepada diri kita sendiri .

(Dan Isaac Slobin , 1991:157)

Untuk berkomunikasi seseorang penutur pasti akan mengungkap bahasa-bahasa yang dapat menginterpretasikan kehendak atau maksud yang ingin dinyatakannya .

Sebagai rumusannya jelaslah bahawa bahasa , komunikasi dan ungkapan saling berkaitan di antara satu sama lain .

Ungkapan dalam bahasa Melayu diistilahkan sebagai ta'bir (تعبير) dalam bahasa Arab . Di sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) amnya dan di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) khasnya ta'bir diajarkan sebagai salah satu rangkaian mata pelajaran bahasa Arab.

Memang tidak dapat disangkal bahawa ta'bir (تعبير) atau ungkapan amat perlu diberikan pendedahan kepada para pelajar kerana ia menjadi kayu pengukur keupayaan mereka dalam pertuturan dan penulisan bahasa Arab .

Seorang pelajar yang telah mantap dalam penguasaan ta'bir (تعبير) sudah tentu mampu untuk melafazkan dan menulis kalimah-kalimah atau perkataan Arab dengan kualiti yang begitu baik dan cemerlang .

Namun begitu daripada pengamatan dan pemerhatian selama lebih kurang sepuluh tahun di samping pengalaman penulis sendiri sebagai pemeriksa ujian lisan

bahasa Arab di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) , maka penulis mendapati sebilangan besar pelajar-pelajar pada hari ini masih belum menjangkau tahap memuaskan dalam mata pelajaran ta'bir (تَبِيرٌ) baik secara lisan maupun tulisan .

Ini berdasarkan kepada markah yang mereka perolehi dalam peperiksaan tersebut , di mana tiga perempat daripada jumlah calon yang menjalani ujian tersebut mendapat kurang daripada separuh markah (markah penuh 40 markah).

Bermula dari sini penulis merasakan perlu dikaji beberapa pendekatan yang diamalkan sekarang , untuk mengesan kelemahan-kelebihannya serta mencari pendekatan-pendekatan lain yang lebih efisien dalam usaha untuk mempertingkatkan prestasi pencapaian bahasa Arab khususnya ta'bir di kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama .

Penulis mendapati bahawa Kolej Islam Sultan Alam Shah adalah sekolah yang paling sesuai untuk dijadikan lokasi kajian ini memandangkan ia merupakan antara SMKA terbaik di negara kita , di samping ia juga salah sebuah daripada Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) yang menempatkan hanya pelajar-pelajar terbaik dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Dalam kajian ini penulis akan cuba mengkaji sejauh manakah pendekatan yang diguna pakai oleh tenaga-tenaga pengajarnya dapat mempengaruhi prestasi pelajar-pelajarnya dalam menguasai ta'bir (تعبير).

Seandainya pendekatan tersebut berkesan maka ada baiknya ia dipraktikkan juga di SMKA lain agar kesemuanya dapat berkongsi kecemerlangan dalam pencapaian bahasa Arab di peringkat SPM dan STPM .

Selain dari itu , penulis berhasrat untuk melihat perbandingan dalam konteks pendekatan pengajaran ta'bir antara Kolej Islam Sultan Alam Shah dengan beberapa sekolah yang lain , mungkin ada di antara pendekatan-pendekatan itu yang boleh dimanfaatkan bersama . Sehubungan dengan itu penulis akan membuat sedikit kajian berkaitan dengannya di sekolah-sekolah terbabit.

1.2 DEFINISI KONSEP

Dalam keterangan yang terdahulu penulis ada menyatakan bahawa ta'bir (تعبير) sama maknanya dengan ungkapan atau pengolahan dalam bahasa Melayu , maka untuk lebih menjelaskan lagi tentang konsep ta'bir ini penulis akan memaparkan definisinya yang didasarkan kepada dua kategori iaitu :-

- a) **Dari segi bahasa :**
- i) Dalam kamus Idrīs al-Marbawiyy ta‘bīr bermaksud « menghuraikan dan mengertikan »
(al-Marbawiyy, 1935: 3)
 - ii) Menurut Zakariyyā Ismā‘il (1991 :187) pula ta‘bīr ialah : “ Menyatakan sesuatu maksud dengan terang dan jelas menerusi sebutan atau isyarat atau mimik muka atau lukisan atau pergerakan atau tulisan ”.
 - iii) Menta‘bīr tentang sesuatu sama erti dengan bertutur atau bercakap .
(al-Munjid fi al-Lughat wa al-A‘lām ,1973:484) & (Munjid al-Tullāb, 1978: 458)
 - iv) Ta‘bīr (تَبَيِّنْ) adalah kata sumber ‘abbara (عَبَرَ) iaitu bahasa , ibarat , kata-kata, keterangan , pengertian , penghuraian .
(Kamus al-Tullāb ‘Arabiyy Malāyuwiyy ,1994 : 302)
 - v) Ungkap (mengungkap) diistilahkan dengan (عَبَرَ عَنْ) ‘Abbara ‘an ... atau (أَعْبَرَ عَنْ) A‘bara ‘an
(Kamus Pustaka Melayu Arab , 1985 :26)
 - vi) Ta‘bīr ialah “ Bertutur atau menulis apa yang ada dalam diri atau apa sahaja yang mahu dikatakan” .
(‘Ariff Kurkhi , Majalah Pengajian Arab, bil:5, 1996: 61)

- vii) “ Ta‘bīr (تَبْيَرْ) adalah satu titik pemahaman dan satu cara untuk memahamkan atau satu tanda penerimaan atau alat untuk menerima ... ”

(Muhammad Ṣalīḥ Samak, 1979: 456)

- viii) Ta‘bīr (تَبْيَرْ) ialah seseorang itu melancarkan buah fikiran dan idea dalam dirinya dengan lidah atau penanya . (ibid: 423)

- x) Ta‘bīr (تَبْيَرْ) dikenali juga sebagai al-Nuṭq (النُّطْقُ) iaitu sebutan .

(Muhammad Sabrī ‘Aliyy al-Ṣuqailiy, 1991: 59)

- ix) Ta‘bīr syafawiyy (تَبْيَرْ شَفَوِيٌّ) dikenali juga dengan nama al-Muḥādathat (المُحَاذَثَةُ) atau al-Hiwar (الْحِوَارُ) iaitu perbualan atau dialog.

(Ahmad Fikri , Majalah Pengajian Arab, bil.3,1993: 85)

Rumusan daripada semua definisi di atas :-

Ta‘bīr (تَبْيَرْ) ialah rangkaian perkataan yang dikemukakan dalam pelbagai bentuk untuk menyatakan perasaan dan buah fikiran.

b) Dari segi istilah pengajaran :

- i) Ta‘bīr (تَبْيَرْ) merupakan salah satu peringkat kemahiran bertutur (al-kalam) yang bergantung kepada daya pemikiran dan pemilihan ayat-ayat atau kata-kata yang sesuai dengan situasi (‘Aliyy al-Ṣuqailiy, op.cit: 59)

- ii) Ta'bir ialah “ Menerangkan buah fikiran atau pendapat dan perasaan dengan menggunakan cara-cara yang disebut dalam definisi dari segi bahasa terutamanya sebutan dan tulisan ” . (Zakariyyā Ismā'īl, op.cit : 187)

Rumusan daripada definisi di atas :

Ta'bir (تَبِيرٌ) ialah salah satu daripada kemahiran yang diaplikasikan di sekolah di peringkat rendah dan menengah untuk membolehkan murid-murid bertutur dan menulis mengikut situasi sama ada di dalam waktu belajar atau di dalam kehidupan seharian.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Di antara objektif atau tujuan kajian ini dijalankan ialah :-

- a) Untuk menyelidik sejauh mana pendekatan yang diamalkan oleh tenaga pengajar di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dapat mempengaruhi prestasi penguasaan ta'bir dan seterusnya pencapaian bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajarnya .
- b) Untuk mengenalpasti masaalah-masaalah pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi dalam praktikal pendekatan-pendekatan yang diamalkan di sekolah tersebut .
- c) Mengkaji perbezaan tahap penguasaan ta'bir di kalangan pelajar mengikut peringkat umur .

- d) Menghasilkan satu dapatan kajian tentang cara pengajaran ta'bir yang sesuai untuk dipraktikkan di semua SMKA .

- e) Mengemukakan beberapa alternatif yang difikirkan lebih efektif untuk pengajaran ta'bir (تعبير) supaya ia menjadi lebih berkesan .

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Data-data yang diperolehi dalam kajian ini terbahagi kepada dua kategori , iaitu Data Sumber Utama yang diwujudkan oleh penulis melalui ujian, kaji selidik, pemerhatian dan temubual . Sumber Kedua pula ialah data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan. Ia adalah seperti berikut :-

- a) Metod Ujian :

Metod ujian yang dijalankan ialah dalam bentuk ujian lisan (ta'bir syafawiy) yang dirakamkan dalam pita kaset ke atas enam puluh (60) orang responden, mereka ini terdiri daripada 30 orang pelajar tingkatan empat dan 30 orang lagi pelajar tingkatan 6 rendah . Kesemuanya adalah pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah .

Ujian ini lebih menjurus kepada kaedah temubual informal di antara penulis dengan para responden untuk mewujudkan suasana mesra di samping responden dapat menggunakan bahasa Arab secara bersahaja . Kekuatan atau kelemahan responden dijangka dapat dikesan sepanjang temubual itu nanti . Hasil rakaman akan ditranskripsi-kan dan dianalisis (sila rujuk lampiran 3 dan 4)

b) Metod kaji selidik :

Metod kaji selidik dijangka dapat membantu untuk mencapai beberapa objektif kajian ini . Soal selidik akan dikemukakan kepada 120 responden yang terdiri daripada:-

a) 60 orang pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang :-

- i) 30 orang pelajar tingkatan 4
- ii) 30 orang pelajar tingkatan 6 rendah

b) 60 orang pelajar sekolah lain iaitu :-

- i) 30 orang daripada SMKASL
- ii) 30 orang daripada sebuah sekolah tajaan negeri Selangor (SAMTTAJ)

Tujuannya seperti yang dinyatakan ialah untuk melihat perbandingan melalui pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran ta'bir di sekolah-sekolah tersebut . (Sila rujuk lampiran 1)

Motif lain ialah untuk mengkaji masaalah-masaalah yang berkaitan dengan pembelajaran ta'bir serta mendapatkan sebarang cadangan bagi mengatasi masaalah tersebut dari dua pihak iaitu pihak pelajar dan pihak guru .

Soal selidik ini akan dibuat dalam dua bentuk iaitu soal selidik terbuka dimana responden memberikan jawapan mereka secara bebas dan satu lagi soal selidik berstruktur yang lebih berupa soalan aneka pilihan . Dari sini penulis akan

dapat mengesan kekurangan atau kelebihan yang ketara pada setiap pendekatan dan mana-mana pendekatan yang terbaik bolehlah dikongsi bersama.

c) Metod Pemerhatian:

Metod pemerhatian akan digunakan untuk melihat perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah . Ia diharap dapat mengesan serba sedikit kaedah pengajaran yang digunakan oleh seseorang guru ketika aktiviti pengajaran dijalankan serta sejauh manakah ianya berjaya untuk menarik perhatian dan minat pelajar terhadap pelajaran ta'bir .

d) Metod Temubual:

Di samping itu , penulis merasakan perlu juga menemubual lapan orang guru bahasa Arab untuk menyelami masalah-masalah yang dihadapinya ketika mengajar serta cara mengatasinya . (sila rujuk lampiran 2)

e) Metod Penyelidikan Perpustakaan :

Akhir sekali metod penyelidikan perpustakaan turut digunakan dengan tujuan untuk mencari dan menambah serta menyokong semua data dan cadangan yang dikemukakan oleh penulis . Untuk mendapatkan data-data ini penulis akan merujuk kepada sumber-sumber rujukan seperti buku, majalah , akhbar dan tesis .

Pada tempat-tempat tertentu penggunaan istilah bahasa Arabnya mungkin perlu dikenalkan dan ia akan diberi transliterasinya. Sekiranya perlu ia akan diberikan terjemahan dalam bahasa Melayu serta diberi penerangan ringkas. (sila rujuk glosari istilah)

1.5 SKOP KAJIAN

Skop perbincangan dalam kajian ini adalah berkisar tentang ta'bir syafawiyy (تَبِيرُ شَفَوِيٍّ) dan bentuknya , segala permasalahan yang berkaitan dengannya dan cadangan mengatasinya .

1.6 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian ialah Kolej Islam Sultan Alam Shah Klang dengan para respondennya adalah dari kalangan beberapa pelajar dan guru sekolah tersebut .

1.7 SEPINTAS LALU TENTANG KAJIAN-KAJIAN LAMPAU

Pada umumnya banyak kajian, kertas kerja dan artikel yang menyentuh tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah dibuat , tetapi ianya terlalu umum dengan skop perbincangan yang begitu luas serta tidak dijuruskan kepada aspek-aspek tertentu , yang mana kelemahan pelajar amat ketara di situ .

Osman Hj. Khalid dan Ab. Rahim Hj. Ismail dalam kertas kerja “ Program Ijazah Sarjanamuda Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua ” (Seminar

Pengajaran Bahasa Arab Dan Sejarah Islam Peringkat Antarabangsa , UKM , 1994) memang ada menyentuh tentang isu kelemahan dan kemerosotan mutu bahasa Arab di kalangan pelajar serta dapat mengenal pasti bahawa antara faktor pentingnya ialah faktor guru, namun aspek kelebihannya tidak diberikan spesifikasinya. Ini adalah contoh permasalahan pada peringkat tinggi .

Manakala contoh untuk peringkat permulaan pula ialah kenyataan Syed 'Omar Syed Muhammad al-Saqāf dalam kertas kerjanya bertajuk “ Bahasa Arab Komunikasi Di Institut Teknologi Mara – Pengalaman Dan Cabaran” (Kursus Teknologi Dan Falsafah Peperiksaan Bahasa Arab Peringkat SRP , 1989) . Dalam kertas kerja tersebut beliau ada menyentuh tentang aspek kelemahan penuntut-penuntut ITM dalam menyebut huruf-huruf Arab.

Sungguhpun permasalahan ini tidak ditujukan kepada pelajar sekolah , namun penulis yakin maklumat ini boleh juga digunakan dalam membincangkan tentang ta'bir (تعبير) dan kaedah pengajarannya di sekolah-sekolah menengah kerana jarak umur di antara mereka tidaklah terlalu jauh.

Pada tahun 1995 satu kajian ilmiah yang terperinci berhubung dengan aspek-aspek kelemahan pelajar dalam menulis karangan bahasa Arab telah dijalankan oleh Che Radiah . Menurut beliau (Che Radiah Mezah , 1995 : 51) ia tertumpu kepada empat aspek iaitu tatabahasa, ortografi, leksikal dan struktur ayat .

Karangan atau ta'bir tahririyy (تَبِيرٌ تَحْرِيريٌّ) adalah satu daripada dua bentuk ta'bir . Oleh itu , kajian yang akan dijalankan ini mengembangkan dan meluaskan lagi cakupan perbahasan kepada aspek kelemahan pelajar dalam bentuk ta'bir syafawiyy (تَبِيرٌ شَفَوِيٌّ) atau dengan perkataan lain kajian ini lebih merupakan kesinambungan bagi kajian yang lalu.

1.8 RANGKA KAJIAN

Kajian ini terbahagi kepada empat bab . Bab pertama membincangkan dasar-dasar penulisan disertasi bermula dengan latar belakang kajian yang merangkumi pendahuluan , permasalahan kajian , definisi konsep , objektif kajian , metodologi kajian , skop kajian , lokasi kajian dan kajian-kajian lampau .

Dalam bab kedua penulis memfokuskan perbincangan tentang pengajaran ta'bir di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Di awal perbincangan penulis akan menghuraikan tentang ta'bir , kepentingan dan bentuk-bentuknya , diikuti dengan keterangan tentang sejarah ringkas KISAS yang merangkumi pengenalan , objektif dan falsafah penubuhannya , sumbangannya , pendekatan guru dalam pengajaran ta'bir .

Bab ketiga membincangkan permasalahan dalam konteks pengajaran ta'bir di-KISAS dan faktor-faktornya . Perbincangan dibahagikan kepada empat bahagian ,

iaitu permasalahan berhubung dengan guru , pelajar , kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar .

Bab keempat mengemukakan rumusan dan penggulungan perbincangan terdahulu , di samping cadangan untuk memantapkan pengajaran ta‘bīr , ia diakhiri dengan penutup .